

Teruja dapat *tanam bakau*

48 siswa UTHM timba pengalaman baharu lestarikan alam bersama masyarakat kampung

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi melaksanakan Program Lestari Bumi Hijau 2.0 dalam kalangan warganya pada tahun ini, setelah melihat kejayaan penganjuran yang sama pada tahun lalu.

Penasihat Program, Nurul Iman Kassim berkata, seperti tahun lalu, program diadakan mendapat kerjasama Penghulu Mukim 1 Lubuk dan juga Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Lubuk Semerah.

Menurutnya, ia bertujuan mewujudkan semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan mahasiswa UTHM serta melibatkan penyertaan masyarakat setempat semasa aktiviti dijalankan.

"Program ini masuk tahun kedua penganjurannya, me-



Pelajar UTHM yang menyertai Program Lestari Bumi Hijau 2.0 di Kampung Lubuk Semerah berbangga dengan kejayaan program berkenaan.

libatkan 48 mahasiswa daripada Seksyen 8 dan 9 kursus kokurikulum berkenaan.

"Di samping menimba pengalaman baru, peserta terlibat juga dapat berkongsi ilmu dengan menerapkan unsur-unsur bumi hijau dan kepentingannya dalam kalangan masyarakat setempat.

"Lebih utama ia turut memupuk semangat kerjasama yang utuh, antara pelajar dengan penduduk kampung di sini," katanya semasa penutupan program berkenaan di Kompleks Penghulu Mukim 1 Lubuk.

Sementara itu, Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk

Dr Noraini Ahmad berkata, program seumpama itu diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang, lantaran ia juga berbentuk ilmiah dan memberi manfaat kepada mereka yang terlibat.

"Ia adalah perkongsian ilmu. Pelajar UTHM ini dapat pengalaman tinggal di kam-

pung dengan pelbagai aktiviti selain berkongsi apa yang mereka perolehi semasa berada di kampung," katanya.

Bagi seorang peserta program, Ratna Dewi Salman, 23, berasal dari Melaka menyatakan, dia tidak pernah menjalani kehidupan sebagai penduduk kampung dan inilah

pengalaman pertamanya.

"Perkara yang tak boleh saya lupakan ialah tanam pokok bakau. Memang ni tujuan asal kami ke sini. Ia juga untuk kekalkan konsep bumi hijau dengan cintakan alam sekitar," katanya.

Rakannya, Nur Aishah Sharkawi, 23, menyatakan selain dapat berkongsi mencintai alam sekitar, perkongsian pengalaman baharu merupakan sesuatu yang bermakna buat dirinya.

"Antara yang tak boleh saya lupakan ialah kutip siput dan kupang di pantai, serta nikmati masakan asam pedas yang tak boleh ditemui di kediaman asal saya di Sarawak," katanya.

Hadir sama Penghulu Mukim 1 Lubuk, Abd Wahab A Rahim dan Pengarah Program, Aidil Akmal Md Mohidin.